



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**PROGRAM NUR RAMADAN**

**PERINGKAT PARLIMEN SEPUTEH 2017/1438H**

**7 JUN 2017 (RABU), 8.00 malam**

**SURAU AL-KHAIRIAH, TAMAN SALAK JAYA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, Segala pujian dan syukur saya rafak ke hadrat Allah s.w.t yang telah menganugerahi kita bulan ramadan al-mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan yang lain. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan atas keluarga serta para sahabat baginda yang mulia. Syukur dengan izinNya kita dapat bersama-sama pada hari ni dalam menjayakan sekali lagi Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan bagi Parlimen Seputeh tahun 2017/1438H.
2. Saya turut bersyukur pada petang ini kerana dapat bersama-sama untuk berbuka puasa serta dapat menyampaikan sumbangan kepada para asnaf di Parlimen Seputeh pada tahun ini. Semoga puasa kita diterima dan terpelihara seiring dengan amalan ibadah yang dilakukan sepanjang bulan Ramadan.
3. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL telah mengambil pendekatan secara berterusan dengan menganjurkan Program Nur Ramadan pada setiap tahun. Ini bagi memastikan penganjuran program ini memberikan impak yang maksimum dan usaha-usaha penambahbaikan sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Seiring dengan ini, Program Nur Ramadan telah diperluaskan

penganjurannya di semua peringkat Parlimen di Wilayah Persekutuan semenjak tahun 2013.

4. Di kesempatan ini, marilah kita bersama-sama membina dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang soleh dan mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

## **RAMADAN AL-MUBARAK**

5. Kehadiran Ramadan sebagaimana kita semua sedia maklum sarat dengan beribu kemuliaan dan keberkatan. Justeru, amat rugilah sekiranya kita tidak menghargainya atau menyambutnya dengan pengisian yang sewajarnya sejajar dengan kelebihan ramadan itu sendiri. Sebaliknya kita hendaklah menjadi golongan yang sentiasa merindui kedatangan ramadan, menyambut dan menghias siang dan malamnya dengan memperbanyakkan amal kebajikan.
6. Dengan berpuasa di siang hari, ia bukanlah sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga, bahkan ia juga berperanan untuk mendidik anggota badan untuk turut beribadah juga malah turut menahan mata daripada melihat perkara yang haram.
7. Hadirnya bulan Ramadan pada tahun ini membawa cabaran kepada kita sebagai umat Islam untuk 'berperang' dengan anasir-anasir yang

boleh meruntuhkan kekuatan hati kita sehingga akhirnya memberi kesan kepada pembentukan ummah yang sejati. Kekuatan jiwa yang diuji sepanjang Ramadan hakikatnya adalah landasan untuk umat Islam di negara ini bersatu hati mengetepikan segala sifat mazmumah yang akhirnya membuka laluan untuk umat Islam menjadi umat terbaik atau khayra ummah seperti yang dituntut di dalam Al-Quran.

8. Sebagai umat Islam yang sangat mengharapkan ihsan, keampunan dan bantuan dari Ilahi dalam menghadapi ujian kehidupan ini, kehadiran Ramadan 1438 Hijrah ini kita sambut dengan penuh syukur dan gembira kerana sememangnya bulan ini datang sarat dengan kurniaan dan keberkatannya.

## **PROGRAM NUR RAMADAN 2017**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Khidmat Masyarakat telah menjadikan Program Berbuka Puasa sebagai kalendar acara tahunan sempena bulan Ramadan. Ini bertujuan untuk mendekati warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selain menyalurkan sumbangan dan bantuan kepada golongan asnaf.

10. Ia juga merupakan program yang berkonsepkan mesra rakyat dan turun padang dari pihak kerajaan untuk bersama-sama warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bulan Ramadan ini. Pendekatan seumpama ini diharapkan akan dapat mendekatkan lagi kerajaan dengan rakyat dan membolehkan semua pihak bersama-sama merasai denyut nadi rakyat dan mendengar sendiri sebarang permasalahan dan menangani isu-isu berkenaan secara terus.
11. Objektif Program Nur Ramadan ini adalah tidak lain dan tidak bukan bagi memperkukuh dan memperkayakan interaksi antara pihak kerajaan bersama dengan warga Wilayah Persekutuan. Melalui inisiatif ini, dapat menerapkan lagi nilai rasa kasih sayang di kalangan warga dan rakyat Wilayah Persekutuan khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan bagi melambangkan warga masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera.
12. Malah program ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti yang bermanfaat yang boleh mengukuhkan hubungan akrab sesama kita, apatah lagi bagi penduduk di sini.
13. Selain itu, melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dan bersama-sama **memajukan dan memakmurkan** Wilayah Persekutuan serta mempunyai rasa sayang

dan cinta yang mendalam terhadap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## SUMBANGAN NUR RAMADAN

14. Penganjuran Program Nur Ramadan ini dilaksanakan secara **kerjasama strategik** dengan KWP, DBKL, Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Yayasan Al-Bukhary, dan Yayasan Wilayah Persekutuan. Semua pihak saling bekerjasama dan memberikan sumbangan dan penyelarasan pengurusan Program Nur Ramadan.
15. Setiap penerima Asnaf akan menerima wang tunai RM150.00 yang disumbangkan oleh pihak MAIWP melalui Baitulmal. Keseluruhan sumbangan wang tunai pada tahun ini adalah dari pihak MAIWP yang mana telah terlibat dengan pelaksanaan program Nur Ramadan ini sejak 2013 lagi.
16. Dimaklumkan juga seramai **500 orang asnaf di Seputeh** pada hari ini akan menerima 10kg beras dan 2 kg gula sumbangan daripada Yayasan Al-Bukhary.
17. Yayasan Wilayah Persekutuan juga dengan berbesar hati memberi sumbangan kepada masjid/surau yang menganjurkan program Nur Ramadan ini sebanyak RM30,000.00 bagi menaiktaraf kemudahan

infrastruktur dan program pembangunan yang dapat memberi manfaat kepada ahli qariah seluruhnya.

18. Jutaan terima kasih kepada MAIWP, Yayasan Al-Bukhary dan Yayasan Wilayah Persekutuan. Jasa baik semua adalah sangat dihargai dan diharap akan berterusan sehingga bila-bila. Mudah-mudahan penyampaian sumbangan Nur Ramadan ini akan memberi sinar kebahagiaan kepada golongan kurang berkemampuan dan pihak yang memerlukan terutamanya di kawasan Seputeh. Saya berharap agar sumbangan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat menyinari hidup anda semua bagi menyambut hari raya Aidil Fitri yang bakal tiba. Insyallah.

## **PERPADUAN PEMANGKIN KEMAJUAN**

19. Antara kepentingan perpaduan di Wilayah Persekutuan ialah mewujudkan masyarakat yang harmoni. Peribahasa “rambut sama hitam, hati lain-lain” jelas menunjukkan walaupun manusia mempunyai warna rambut yang sama tetapi sukma dan keinginan manusia adalah berbeza.
20. Keamanan negara turut dapat dipertingkatkan apabila amalan perpaduan kaum telah meresap ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Seperti yang kita ketahui, tanpa perpaduan kaum, keamanan tidak dapat diwujudkan kerana rakyat akan bergaduh sesama sendiri sehingga menghancurkan keamanan sesebuah

negara yang telah dibina itu. Pertelingkahan yang berlaku antara rakyat hanya akan menghasilkan suasana hidup yang porak-peranda. Oleh hal yang demikian, benarlah perpaduan kaum itu penting untuk meningkatkan keamanan negara.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

21. Akhir kata, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
  
22. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL, Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh, MAIWP, Yayasan Al-Bukhary, dan Yayasan Wilayah Persekutuan di atas penganjuran Program Nur Ramadan pada hari ini dan keprihatinan anda semua terhadap golongan yang memerlukan. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. **Sekian, terima kasih.**